

BAB IV

LAPORAN PENYELIDIKAN DAN PENGANALISISAN DATA

BAB IV

LAPORAN PENYELIDIKAN DAN PENGANALISISAN DATA

1. Latar Belakang Laporan Penyelidikan

Program Pembinaan Sahsiah (PPS) adalah amat penting dan mesti diberikan keutamaan untuk membina sahsiah dan jati diri seseorang remaja terutamanya di zaman globalisasi atau pun '*millennium*' baru yang penuh dengan cabaran.

Justeru, untuk mengetahui sejauh mana pelaksanaan PPS di SMU (A) Saniah ini, penulis telah menggunakan metode soal selidik, observasi dan temu bual. Metode soal selidik merupakan sumber data yang utama untuk dianalisis. Oleh itu penulis telah mengedarkan seratus keping borang soal selidik kepada responden yang melibatkan pelajar tingkatan, dua, tiga, empat, lima dan enam rendah. Beberapa perkara diambil kira oleh penulis untuk menganalisis data dan ianya berkaitan dengan latar belakang responden yang melibatkan umur, tingkatan, jawatan, tempat tinggal dan tempoh penglibatan dengan program yang dikaji.

Perbincangan topik ini akan melihat perkara-perkara yang ada hubung kaitnya dengan matlamat program, pelaksanaan dan keberkesanan daripada aspek sukatan, teks rujukan, kaedah pelaksanaan, pengurusan dan minat serta komitmen pelajar terhadap pelaksanaannya.

2. Matlamat Program PPS ¹

Pihak YIK telah mengadakan pelancaran rasmi Program PPS ini pada tahun 1993 dengan dirasmikan oleh Tuan Guru Dato' Menteri Besar Kelantan di Kem Kijang, Kota Bharu Kelantan. Bersempena dengan majlis ini juga telah diadakan ' *Tamrīn* ' untuk Pengetua dan Penolong Kanan semua Sekolah Agama Bantuan Penuh YIK (SMAN) dan diedarkan Buku Panduan Program Pembinaan Sahsiah Pelajar (PPS). Unit Hal Ehwal Murid (HEM) yang diketuai oleh Almarhum Hj. Wan Mustapha Rusydi b. Wan Abd. Ghani adalah pelopor kepada program ini dan telah menubuhkan Jawatankuasa Unit Dakwah Dan Kepimpinan peringkat YIK ². Buku panduan tersebut mengandungi matlamat, metode, sukatan dan rujukan PPS (Sila lihat Lampiran 8).

2.1. Matlamat Umum

Pada umumnya program tarbiyah adalah untuk mencapai cita-cita membina dan membentuk generasi pelajar yang dapat mewarisi kepimpinan akan datang dan juga mencapai falsafah dan matlamat pendidikan Islam sebagaimana yang dikehendaki oleh al- Qurān dan Sunnah Rasulullah s.a.w.

2.2. Matlamat khusus

2.2. (a) Membantu pelajar di dalam mencapai kejayaan ke tahap kecemerlangan dalam bidang akademik.

2.2. (b) Membentuk masyarakat pelajar yang harmoni, ' *ta'āwun* ' dan

¹ Buku Panduan Program Pembinaan Sahsiah Pelajar (PPS) (1993), Jawatankuasa Dakwah Latihan Dan Kepemimpinan Pelajar, Unit Hal Ehwal Murid YIK, h. 1.

² Penulis adalah salah seorang ahli jawatankuasa unit ini dan menjadi urusetia program.

' *ukhuwwah Islāmiyyah* '.

2.3 (c) Memberi kefahaman Islam yang tepat kepada pelajar-pelajar.

2.4 (d) Mewujudkan suasana dan iklim pembelajaran yang sihat dan

menghidupkan konsep ilmu menerusi bahasa Arab.

2.5 (e) Melahirkan pemimpin pelajar YIK yang dapat meneruskan daya kepimpinan keperingkat pengajian tinggi.

3. Pelaksanaan PPS Di SMU (A) Saniah Pasir Puteh ³

PPS digerakkan secara menyeluruh dan serentak oleh kedua-dua peringkat iaitu Yayasan Islam Kelantan sendiri dan sekolah-sekolah di bawah kelolaannya. Peringkat Yayasan Islam Kelantan, program ini dilaksanakan oleh Badan Dakwah dan Latihan Kepimpinan YIK yang merupakan '*mas'ul*' tertinggi dalam program ini.

Pihak sekolah merupakan '*mas'ul*' kedua di dalam program ini. Pengetua atau Guru Besar⁴ adalah bertanggungjawab sepenuhnya kepada YIK bagi menjayakan PPS. Sekolah hendaklah menubuhkan Badan Dakwah Dan Latihan Kepimpinan Pelajar (BDLKP) dengan memberi amanah kepada seorang '*mas'ul*'

³ Buku Panduan PPS, *op.cit*, h. 1-2.

⁴ Pada ketika itu gelaran pengetua diberikan kepada pengurus sekolah SMAN, manakala pengurus SMAR dipanggil Guru Besar. Pada tahun 2002 Pengurus kedua-dua kategori sekolah ini dipanggil dengan Pengetua.

yang merupakan guru penasihat Badan Dakwah. Perlantikan 'mas'ul' dan 'muqabā' ⁵ hendaklah mendapat persetujuan daripada pihak YIK. Kebanyakan warga sekolah YIK lebih mengenali Badan Dakwah daripada PPS kerana Badan Dakwah telah lama wujud dan memainkan peranan mendidik para pelajar.

4. Sukatan Program PPS SMU (A) Saniah

Sekolah agama sebagai sebuah institusi pendidikan di zaman moden memainkan peranan penting bagi mendidik generasi muda ke arah penghayatan Islam di dalam kehidupan. Sistem pendidikan Islam yang tersusun rapi dan bersepadu mampu melahirkan generasi yang berkarisma di dalam menghadapi cabaran 'millennium' baru dan membangunkan masyarakat ke arah kemajuan hakiki.

Penubuhan sekolah agama di negeri Kelantan yang kini dikelolakan oleh Yayasan Islam Kelantan (YIK) berpaksikan kepada suatu matlamat dan falsafah pendidikan Islam sebagaimana mencakupi pengertiannya dalam istilah-istilah tarbiyah, 'ta'lim', 'ta'dīb', 'irsyād' dan 'tadrīs', suatu usaha berterusan ke arah memperkembangkan potensi individu muslim sebagai hamba Allah dan khalifahNya di bumi secara menyeluruh dan bersepadu ⁶.

Justeru, SMU (A) Saniah yang berada di bawah kelolaan YIK merupakan wadah memanifestasikan dasar-dasar yang diputuskan oleh

⁵ Guru ataupun pelajar yang telah terlatih untuk mengendalikan kelompok usrah.

⁶ Yayasan Islam Kelantan, *Panduan Tugas Guru-Guru Dan Kakitangan Sekolah*, t.t.

Lembaga YIK. Kegiatan kokurikulum yang digubal oleh YIK menjadi kemestian untuk direalisasikan di semua sekolah agama yang berdaftar dibawah YIK termasuk SMU (A) Saniah Pasir Puteh.

Kokurikulum YIK adalah berkonsepkan pembinaan rohani dan jasmani. Kokurikulum yang terdapat di sekolah Kementerian Pendidikan diterima pakai di sekolah YIK seperti sukan, badan beruniform, kelab dan persatuan. Aktiviti yang menjadi keistimewaan sekolah YIK yang tiada di sekolah lain ialah Program PPS ataupun dikenali dengan program dakwah dan '*tarbiyah*'.

Para pelajar telah bergiat aktif di dalam kegiatan kokurikulum dan telah mencapai kejayaan-kejayaan samada di peringkat sekolah, jajahan, negeri ataupun peringkat Nasional.

Melalui program PPS, semua pelajar akan terlibat dengan program ini bermula daripada '*saff awal*' (Kelas Peralihan) sehingga tingkatan enam atas.

5. Teks Rujukan PPS

Program PPS di SMU (A) Saniah menerima pakai sukatan dan teks yang disediakan oleh YIK. Sekolah-sekolah YIK di negeri Kelantan menggunakan sukatan ini sebagai rujukan bermula peringkat '*I'dāqī*' dan '*Thānawī*'. Sukatan ini disaring daripada buku-buku dakwah berbahasa Arab dan disesuaikan dengan keadaan pelajar dan tahap pemikiran mereka.

Sukatan PPS ini merangkumi bidang-bidang yang berkaitan Tafsir, Hadīth, Asas-Asas Islam, Akhlak, Sīrah dan Tauhid (Sila rujuk Lampiran 8).

Apabila diteliti kepada sukatan dan tajuk-tajuk PPS secara terperinci melalui teks yang digunakan, sukatan ini pada asalnya amat bertepatan dilaksanakan untuk peringkat menengah rendah terdiri daripada tingkatan peralihan, satu, dua dan tiga. Manakala peringkat menengah atas pula dikhususkan bagi tingkatan empat, lima dan enam. Namun sekarang sukatan ini sudah agak kurang relevan terutamanya mata pelajaran Tafsir kerana sukatan kurikulum telah berubah. Sukatan dan teks ini digunakan di sekolah-sekolah YIK bermula dari tahun 1993 sehingga sekarang tanpa dibuat sebarang pembaharuan dan pindaan ⁷.

Hasil temu bual penulis dengan guru-guru Dakwah SMU (A) Saniah di dapati bahawa ada segelintir daripada mereka tidak pernah melihat buku panduan PPS tersebut, ini disebabkan pihak YIK tidak membuat arahan baru dari semasa ke semasa sedangkan guru dakwah sentiasa berubah kerana bertukar tempat bertugas. Justeru, mereka tidak menggunakan Teks sukatan PPS sebagai panduan tetapi kebanyakan program yang dibuat adalah kebetulan sama dengan buku panduan tersebut. Teks yang disediakan oleh YIK memang sesuai digunakan untuk proses pentarbitan mengikut tahap pelajar yang ada di SMU (A) Saniah ini dan memerlukan sedikit pindaan pada mata pelajaran Tafsir ⁸.

⁷ Temu bual dengan Ust. Azharwadi b. Abdullah, Guru Dakwah SMU (A) Saniah pada 10.03.2003.

⁸ Temu bual dengan Guru PPS SMU (A) Saniah pada 12.03.2003.

Usaha untuk melatih guru dakwah supaya lebih efisien dan mahir dalam tugas masing-masing jarang dilakukan oleh pihak YIK kerana salah satu sebabnya ialah masalah kewangan⁹.

Namun demikian, keseluruhan guru-guru yang terlibat dengan PPS tidak menghadapi banyak masalah di dalam melaksanakannya kerana mereka mempunyai pengalaman terlibat dengan program dakwah semasa di Universiti, di dalam masyarakat dan menerima pakai kaedah pelaksanaan yang mereka putuskan bersama dalam mesyuarat Badan Dakwah.

Objektif utama PPS ialah untuk membentuk pelajar yang cemerlang dalam pelajaran, kuat hubungan persaudaraan (*ukhuwwah*), memahami Islam dengan tepat, mahir berbahasa Arab dan melahirkan bakal pemimpin yang berkarisma¹⁰.

6. Kandungan Sukatan PPS

Sukatan PPS mengandungi program '*usrah*', '*tamrīn*', '*mukhāyyam*', '*rehlah*', '*qiyāmullail*', kuliah kesedaran Islam, ceramah umum, latihan dakwah dan '*halaqāt*' ilmu. Sukatan bagi pelajar menengah rendah (الإعدادى) ialah Tafsir, Hadīth, Kefahaman Islam dan Akhlak '*Nabawī*' (Sila rujuk Lampiran 8).

⁹ Temu bual dengan Ust. Muhyiddin b. Ghazali Penolong Kanan 11 SMU (A) Saniah, pada 10. 03.2003.

¹⁰ Buku Panduan PPS (1933), Yayasan Islam Kelantan, h. 1.

Ada pun tajuk-tajuk yang dipelajari untuk peringkat menengah atas (التأوى) ialah Perbincangan tajuk tertentu, Hadīth, Tafsir, 'Tazkirah' dan Asas Kefahaman Islam ¹¹.

Pembentangan perkara-perkara ini begitu sesuai sekali mengikut tahap keupayaan yang ada pada pelajar di peringkat menengah rendah dan atas. Tajuk-tajuk yang disediakan ini juga dapat dihayati oleh pelajar dalam meningkatkan kefahaman dan meneguhkan keimanan mereka kepada Allah S.W.T.

Penggabungan tajuk-tajuk dengan isu-isu semasa yang terdapat di dalamnya merupakan kesepaduan dan pementapan ilmu sesuai dengan tahap-tahap pelajar dari tingkatan satu hinggalah ke tingkatan enam. Penjelasan yang disampaikan oleh guru-guru berhubung dengan kandungan program ini dapat difahami oleh para pelajar dengan baik semasa pengisian dijalankan ¹².

7. Tenaga Pelaksana

Pentarbīyahan adalah satu bidang yang memerlukan bukan sahaja kepada ilmu tetapi kemahiran, kepakaran dan pengalaman yang mendalam. Guru dakwah juga perlu mempunyai ilmu psikologi dan memahami isu-isu semasa berkaitan dengan ideologi-ideologi dan idealisme moden yang boleh memberi kesan kepada akidah umat Islam. Justeru, mereka diberikan tanggungjawab dan amanah sebagai '*murabbi*' untuk menghasilkan pelajar yang berkualiti daripada segi akademik dan juga sahsiah.

¹¹ Lihat Lampiran 7.

¹² Temu bual dengan guru PPS.

Guru dakwah adalah model kepada para pelajar, mereka bertindak sebagai bapa, fasilitator dan rakan pelajar itu sendiri.

Hasil kajian dan penyelidikan yang dilakukan di SMU (A) Saniah ini, penulis mendapati guru yang terlibat mempunyai kelayakan akademik dan sifat-sifat yang bersesuaian dengan tugas mendidik. Ada juga guru yang berpengalaman luas di dalam Badan Dakwah tidak dilantik sebagai AJK, ini merupakan satu kerugian kepada pihak sekolah kerana tidak memanfaatkan kebolehan mereka.

Penulis menyenaraikan guru-guru yang terlibat dalam proses pelaksanaan program ini bagi tingkatan satu hingga tingkatan enam, kelulusan dan pengalaman mereka berdasarkan kepada fakta yang ada di SMU (A) Saniah. Dapatan ini juga adalah hasil temu bual yang dilakukan dengan penolong kanan II dan guru-guru yang terlibat.

Jadual 1 : Nama Guru PPS, Kelulusan Dan Pengalaman

BIL	NAMA GURU	KELULUSAN	PENGALAMAN MENGAJAR
1	Azharwadi b. Abdullah	B.A. al-Azhar	05 tahun
2	Norliza bt. Yahya	B.A. al-Azhar	06 tahun
3	Tuan Azani b. Tuan Sulaiman	STTUP	06 tahun
4	Che Som bt. Ismail	STU	17 tahun
5	Borhan b. Ghazali	B.A. al-Azhar	05 tahun
6	Laila bt. Hassan	M.A UM	04 tahun
7	Zamzuri b. Daud	B.A al-Azhar	03 tahun
8	Suyuti b. Abdullah	B.A al-Azhar	05 tahun
9	Rushidah bt. Hamzah	B.A al-Azhar	10 tahun
10	Ismail b. Sulaiman	STTUP	10 tahun
11	Tuan Ramelah bt. Tuan Yusuf	STU	30 tahun

Sambungan Jadual 1

12	Tuan Omar b. Raja Senik	B.A al-Azhar	20 tahun
13	Raja Afifah bt. Raja Ghani	STPM	07 tahun

Sumber : Temu bual dengan Penolong Kanan (II), SMU (A) Saniah dan semua guru tersebut.

Berdasarkan kepada jadual yang dinyatakan di atas, semua guru yang terlibat dengan program PPS mempunyai kelayakan. Seorang adalah graduan Sarjana (M.A) dan tujuh orang adalah berkelulusan sarjana muda Universiti al-Azhar, seorang Sijil Tinggi Persekolahan (STPM) dan yang lain Sijil Tinggi Ugama (STU) dan Sijil Tertinggi Ugama Pondok (STTUP) .

Ustazah Tuan Ramelah Tuan Yusof berpengalaman mengajar selama 30 tahun, ustaz Tuan Omar Raja Senik selama 20 tahun, ustazah Che Som Ismail selama 17 tahun, ustaz Ismail Sulaiman selama 10 tahun, ustazah Norliza Yahya dan Raja Afifah selama 07 tahun, ustazah Rushidah Hamzah dan ustaz Tuan Azani Tuan Sulaiman selama 06 tahun dan ustazah Suyuti Abdullah selama 05 tahun, ustazah Laila Hassan selama 04 tahun dan ustaz Zamzuri Daud selama 03 tahun.

Melalui pengalaman mengajar ini, mereka sudah mempunyai kemahiran mendekati pelajar samada melauai pengajaran ataupun psikologi. Hasil temu bual dengan mereka ini, penulis mendapati ada di antara mereka yang sudah 07 tahun menjadi AJK Dakwah sekolah ¹³. Kajian juga mendapati PPS telah mencapai objektifnya bagi melahirkan pelajar yang berilmu, beriman dan beramal.

¹³ Temu bual dengan guru-guru PPS pada 12.03.2003.

Penolong Kanan II adalah orang yang bertanggungjawab memantau pelaksanaan PPS ini. Pada awal tahun diadakan mesyuarat untuk merancang pengagihan tugas AJK dan program tahunan. Pengagihan tugas yang telah dibuat adalah sebagaimana berikut :

Jadual 2 : Pengagihan Tugas AJK Badan Dakwah

BIL	JAWATAN	NAMA GURU
1	Pengerusi	Azhawardi b. Abdullah
2	Timbalan Pengerusi	Norliza b. Yahya
3	Setiausaha	Tuan Azani b. Tuan Ismail
4	Bendahari	Che Som bt. Ismail
5	Lajnah Tarbiyah Dan Pendidikan	Borhan b. Ghazali Laila bt. Hassan
6	Lajnah Penerbitan Dan Penerangan	Zamzuri b. Daud
7	Lajnah Kebajikan Dan Kebersihan	Suyuti b. Abdullah
8	Lajnah Masjid Dan Kesenian	Ismail b. Sulaiman Tuan Ramelah bt. Tuan Yusof
9	Lajnah Ekonomi Dan Pembangunan	Tuan Omar b. Raja Senik Raja Afifah b. Raja Senik

Sumber : Pengerusi Badan Dakwah 2003.

8. Kaedah Pelaksanaan

Pelaksanaan dijalankan samada di dalam ataupun di luar bilik darjah. Program yang dijalankan semasa belajar ialah yang berkaitan dengan ceramah hari kebesaran Islam seperti awal bulan Muharram, ' *Maulid al-Rasul* ' dan

lain-lain lagi. Guru dakwah akan menjemput seorang penceramah daripada luar dan slot ceramah serta soal jawab berjalan selama satu setengah jam bertempat di Musalla atau pun dewan sekolah.

Program lain diadakan di luar masa belajar seperti solat berjemaah mengikut kelas, '*qiyāmullail*', kursus solat, '*tazkirah*' untuk guru, '*rehlah*', menerbitkan buletin, kursus kepimpinan dan program berbuka puasa.

Program yang melibatkan bermalam dan '*rehlah*' akan diadakan secara berasingan di antara lelaki dan perempuan untuk mengelakkan daripada percampuran bebas dan akan diawasi oleh beberapa guru yang bertugas. Program '*rehlah*' dan '*mukhayyam*' mesti mendapat kebenaran daripada pihak YIK dengan menghantar borang permohonan program sekurang-kurangnya dua minggu daripada tarikh program. Aturcara program akan diatur oleh Badan Dakwah dan mendapat kelulusan daripada Pengetua sebelum diangkat kepada pihak HEM YIK untuk kelulusan.

Program diatur dengan rapi dan sistematik dengan membuat pengisian dalam bentuk ceramah agama atau motivasi, bengkel, permainan minda, merentas desa dan riadah. Pengagihan tugas dibuat di kalangan pelajar untuk melatih mereka biasa dengan kerja dan tugas sebagai pemimpin pada masa akan datang. Semua program ini diawasi oleh AJK Badan Dakwah dan bekas pelajar yang secara sukarela membantu mengikut jadual bertugas di kalangan mereka.

Bagi menjayakan semua program, pihak Badan Dakwah mengenakan bayaran pendaftaran kepada setiap pelajar mengikut kesesuaian. Kadangkala para pelajar mengambil inisiatif mengadakan pungutan derma ataupun memohon sumbangan daripada individu dan pihak korporat melalui kertas kerja yang diluluskan oleh pihak sekolah.

Hasil penyelidikan yang dilakukan berdasarkan kepada observasi dan interviu dengan guru-guru yang terlibat dan para pelajar, memberikan gambaran bahawa para guru memberikan kerjasama yang baik, manakala para pelajar pula akur kepada arahan guru walaupun ada yang keberatan ataupun malas.

Kajian mendapati bahawa pelaksana tidak melaksanakan sepenuhnya kaedah yang disediakan oleh YIK di dalam buku panduannya kerana kurang relevan dan tiada arahan terbaru supaya melaksanakannya. AJK dakwah bermesyuarat dan membuat ketetapan sendiri tentang program dan kaedah pelaksanaannya sesama mereka kerana tidak dipantau oleh YIK¹⁴.

Program tahunan yang telah dirancang oleh Badan Dakwah bagi tahun 2003 adalah sebagaimana berikut¹⁵ :

1. Usrah
2. Solat Jemaah
3. Ceramah
4. Solat *Tarāwīh* Dan Berbuka Puasa

¹⁴ Temu bual dengan guru dakwah di Bilik Guru pada 12.03.2003.

¹⁵ Sumber : Fail Badan Dakwah 2003.

5. Menerbitkan Buletin
6. Program Kebersihan
7. Kursus Kepemimpinan
8. Kursus Solat
9. Tazkirah Guru
10. *Qiyāmullail*
11. Rehlah Ke Selatan Thailand

9. Latar Belakang Responden

Jadual 3 : Jantina Responden

BIL	JANTINA	BILANGAN RESPONDEN	PERATUS
1	Lelaki	50	50 %
2	Perempuan	50	50 %
JUMLAH		100	100 %

Sumber : Borang soal selidik.

Penulis mengambil responden lelaki dan wanita sama jumlahnya walaupun bilangan pelajar wanita lebih ramai daripada pelajar lelaki. Jumlah keseluruhan pelajar seramai 1,234 orang, daripada jumlah tersebut seramai 436 orang pelajar laki-laki manakala 798 orang pelajar perempuan berdasarkan kepada bilangan jumlah pelajar bulan Januari 2003¹⁶ (Sila rujuk Lampiran 10).

¹⁶ Temu bual dengan Ust. Muhyiddin b. Ghazali, Penolong Kanan II pada 12 . 03. 2003.

Jumlah keseluruhan responden yang diagihkan borang soal selidik adalah seramai 100 orang yang terdiri dari pelajar tingkatan dua, tiga, empat, lima dan enam rendah sebagaimana dalam jadual di bawah :

Jadual 4 : Tingkatan Dan Bilangan Responden

BIL	TINGKATAN	BILANGAN	PERATUS
2	Dua	20	20 %
3	Tiga	20	20 %
4	Empat	20	20 %
5	Lima	20	20 %
6	Enam Rendah	20	20 %
JUMLAH		100	100 %

Sumber: Borang soal selidik

Pelajar tersebut berasal dari Kelantan dan Terengganu iaitu dari jajahan Pasir Puteh, Jeli, Machang, Kota Bharu, Bachok dan Besut. 50 % daripada pelajar ini ada yang memegang jawatan di sekolah seperti pengawas, AJK badan-badan, ketua kelas dan lain-lain manakala 50 % lagi adalah pelajar biasa.

Tempoh belajar di antara mereka juga adalah berbeza di mana pelajar baru yang kurang setahun belajar adalah sebanyak 7 %, setahun hingga tiga tahun 31 %, manakala empat hingga enam tahun adalah sebanyak 62 %.

Bagi menilai sejauh mana penglibatan pelajar dengan program PPS ini kita boleh melihat jadual berikut :

Jadual 5 : Penglibatan Pelajar Dalam Program

BIL	PROGRAM	RESPONDEN	PERATUS
1	<i>Qiyāmullail</i>	95	95 %
2	<i>Usrah</i>	58	58 %
3	<i>Mukhyyam</i>	20	20 %
4	Ceramah	82	82 %
5	<i>Tamrīn</i>	0	0 %
6	Lain-Lain	01	01 %

Sumber : Borang soal selidik

Penulis mendapati para pelajar masih keliru dan tidak faham tentang istilah program tertentu walaupun termasuk di dalam sukatan yang digubal oleh YIK. Program paling banyak yang diikuti oleh pelajar ialah '*Qiyāmullail*' iaitu sebanyak 95 % diikuti oleh ceramah sebanyak 82 % kemudian usrah 58 % . Pelajar hanya memahami '*Qiyāmullail*' tetapi tidak faham erti '*Tamrīn*' sedangkan '*Qiyāmullail*' adalah sebahagian daripada program '*Tamrīn*'. Sebanyak 01 % daripada pelajar mengikuti kem motivasi yang tidak termasuk di dalam program PPS. Program ceramah sepatutnya dihadiri oleh semua pelajar kerana kebiasaannya diadakan pada waktu persekolahan begitu juga dengan '*Qiyāmullail*' dan '*Tamrīn*' yang diwajibkan kepada setiap pelajar.

Ini menunjukkan ada pelajar yang ponteng program dan guru pula tidak mengikuti panduan PPS kerana sebab yang telah dinyatakan di kaedah pelaksanaan (Sila rujuk statistik pelajar di Lampiran 7).

10. Keberkesanan PPS Membentuk Sahsiah Dan Sifat Kepemimpinan

Bagi melihat sejauh mana kesan program untuk membentuk sahsiah pelajar ke arah menghayati Islam dan menjadi pemimpinyang berkualiti, penulis

telah membahagikan kepada lima aspek penting dalam penyelidikan sebagai landasan untuk dibuat penilaian. Lima aspek tersebut ialah kesan terhadap pelajar dalam menghormati seseorang, keadaan sosial, penghayatan ajaran Islam, sahsiah kepemimpinan dan pelaksanaan PPS.

10.1. Kesan Terhadap Sahsiah Dan Sifat Hormat Kepada Seseorang.

Jadual 6 : PPS Membantu Membina Sahsiah

JAWAPAN	RESPONDEN	PERATUS
AMAT SETUJU	77	77 %
SETUJU	20	20 %
KURANG SETUJU	0	0 %
TIDAK SETUJU	0	0 %
AMAT TIDAK SETUJU	0	0 %
TIDAK TAHU	03	03 %
JUMLAH	100	100 %

Sumber : Borang soal selidik

Kajian menunjukkan sebanyak 77 % responden amat bersetuju dan 20 % lagi setuju bahawa program ini membantu membina sahsiah mulia, manakala 03 % lagi iaitu pelajar tingkatan dua tidak tahu atau pun sedar program ini bermanfaat.

Peratus yang tinggi iaitu 97 % adalah bukti yang menunjukkan bahawa program ini memang menjadi pemangkin untuk membina sahsiah mulia. Hasil pemerhatian yang di buat oleh penulis mendapati para pelajar telah menunjukkan sahsiah yang sesuai sebagai seorang pelajar agama. Persepsi

masyarakat juga menjadi bukti bahawa pelajar-pelajar sekolah Saniah amat bersahsiah jika dibandingkan dengan sekolah harian biasa. Fakta ini menjadi asas kepada penyelesaian msalah sosial remaja dengan menggunakan metode agama.

Jadual 7 : Melawan Cakap Ibu Bapa

JAWAPAN	RESPONDEN	PERATUS
YA	11	11 %
TIDAK	89	89 %
JUMLAH	100	100 %

Sumber: Borang soal selidik.

Tidak menghormati ibu bapa adalah satu fenomena yang telah disebut oleh Rasulullah s.a.w yang akan berlaku di akhir zaman. Remaja yang jiwa mereka sentiasa memberontak dan mahukan lebih kebebasan akan melawan cakap ibu bapa dan dikategorikan sebagai derhaka. Fenomena lari dari rumah, mengikut teman lelaki dan terjebak di dalam kancah sosial yang buruk adalah manifestasi melawan cakap ibu bapa dan mengikut emosi dan nafsu jahat.

Berdasarkan jadual di atas didapati 89 % responden taat kepada ibu bapa, ini adalah jumlah yang agak besar. Namun demikian masih ada pelajar yang melawan cakap ibu bapa dengan tidak ketara dan dianggap sebagai satu proses pembinaan sebelum sahsiah mereka benar-benar mantap. Walau bagaimanapun hal ini mesti diperbaiki dan diberi penekanan supaya semua pelajar benar-benar menghormati ibu bapa mereka. Menderhaka kepada mereka adalah satu dosa

besar, kerana itu satu program yang memberikan penekanan supaya taat kepada ibu bapa hendaklah diadakan dengan lebih kerap lagi.

Jadual 8 : Menghormati Orang Tua

JAWAPAN	RESPONDEN	PERATUS
YA	99	99 %
TIDAK	01	01 %
JUMLAH	100	100 %

Sumber : Borang soal selidik

Kesemua pelajar iaitu 99 % kecuali seorang sahaja yang masih tidak menghormati orang tua, ini adalah kesan yang paling ketara yang menunjukkan para pelajar berjaya dalam pembinaan sahsiah mereka.

Responden yang tidak menghormati ibu bapa lebih tinggi daripada yang tidak menghormati orang tua kerana mereka masih mempunyai sahsiah dan menjaganya di hadapan orang lain, ini menunjukkan mereka masih mempunyai sifat malu yang termasuk sahsiah mulia.

Jadual 9 : Menghormati Guru

JAWAPAN	RESPONDEN	PERATUS
YA	100	100 %
TIDAK	0	0 %
JUMLAH	100	100 %

Sumber : Borang soal selidik

Sahsiah menghormati orang lain lebih ketara kesannya berdasarkan jadual ini di mana para pelajar amat menghormati guru mereka. Penulis Sendiri melalui pemerhatiannya mendapati pelajar sentiasa memberi salam apabila berjumpa guru di kawasan sekolah.

Guru pada anggapan pelajar adalah insan yang baik dan wajar dihormati kerana ilmu dan sahsiah mereka. Pendapat guru lebih diutamakan daripada pendapat orang lain hatta ibu bapa mereka sendiri. Sifat ini sudah menjadi budaya di kalangan masyarakat Kelantan yang kuat dipengaruhi oleh institusi pondok suatu ketika dulu.

10.2. Kesan Terhadap Sosial Pelajar

Jadual 10 : Berkawan Dengan Sahabat Yang Baik

JAWAPAN	RESPONDEN	PERATUS
YA	97	97 %
TIDAK	03	03 %
JUMLAH	100	100 %

Sumber : Borang soal selidik

Responden pandai memilih kawan supaya tidak terpengaruh dengan akhlak yang buruk apabila sebanyak 97 % daripada mereka memilih kawan yang baik. Manakala 3 % lagi yang terdiri daripada pelajar lelaki masih berkawan dengan orang yang tidak baik, inilah puncanya beberapa masalah disiplin masih berlaku seperti merokok dan ponteng¹⁷.

¹⁷ Temu bual dengan guru disiplin, Ust. Lokman b. Mohd. Ghani di sekolah Saniah pada 19.03.2003.

Jadual 11 : Amalan Melepak

JAWAPAN	RESPONDEN	PERATUS
YA	26	26 %
TIDAK	74	74 %
JUMLAH	100	100 %

Sumber : Borang soal selidik

Melepek adalah amalan yang menjadi kebiasaan remaja masa kini samada di pasaraya, bandar-bandar, perhentian bas dan sebagainya. Mereka berkumpul di sesuatu tempat tanpa tujuan dan hanya membuang masa dengan berbual kosong dan mengganggu orang lain yang lalu-lalang berhampiran mereka.

Fakta di atas menunjukkan sebahagian besar responden tidak melepek kerana ia adalah sifat yang tidak baik dan membuang masa. Sebanyak 24 % responden masih melepek dengan alasan untuk bersuka-suka dan jemu terperap di rumah dengan keluarga.

Sepanjang pemerhatian penulis di perhentian bas dan di bandar Pasir Puteh mendapati para pelajar Saniah tidak membuang masa setelah mereka pulang dari sekolah dengan lepak dan berbual-bual kosong.

Sifat suka melepek dan tidak suka tinggal di rumah adalah satu sifat negatif dan boleh mendorong seseorang remaja terjebak dengan penyakit sosial. Justeru, pelajar yang masih mengamalkan sifat ini mesti diperbaiki dengan program dan kaunseling yang sesuai.

Jadual 12 : Mempunyai Teman Lelaki / Wanita.

JAWAPAN	RESPONDEN	PERATUS
YA	10	10 %
TIDAK	90	90 %
JUMLAH	100	100 %

Sumber : Borang soal selidik

Data-data ini memaparkan sejauh mana pelajar sekolah ini mempunyai teman lelaki / wanita. Hubungan antara lelaki dan wanita yang bebas adalah merupakan punca berlakunya jenayah seksual seperti rogol, liwat dan pembuangan bayi.

Hasil kajian amat mengagumkan penulis kerana 90 % daripada mereka tidak mempunyai teman lelaki / wanita. Hanya 10 % sahaja yang mempunyai teman dan ini menjadi lumrah bagi muda-mudi zaman moden yang kurang sahsiah dan agama.

Penulis telah menemu bual Pegawai Penguatkuasa Agama Jajahan Pasir Puteh untuk mendapat komen beliau tentang masalah ini di kalangan remaja di bandar Pasir Puteh. Menurut beliau remaja di bandar Pasir Puteh sama seperti remaja di tempat lain yang terlibat dengan masalah sosial terutamanya pada hari minggu. Pelajar sekolah Saniah juga ada terlibat dengan kes berdua-duaan tetapi tidak teruk sebagaimana pelajar sekolah harian biasa¹⁸.

¹⁸ Temubual dengan Hj. Abdullah Mamat, Pegawai Penguatkuasa Agama Jajahan Pasir Puteh di Masjid Ibrahim Pasir Puteh pada 12.03.2003.

Jadual 13 : Keluar Dengan Teman Lelaki / Wanita

JAWAPAN	RESPONDEN	PERATUS
YA	04	04 %
TIDAK	96	96 %
JUMLAH	100	100 %

Sumber : Borang soal selidik

Berdasarkan fakta di atas, sebanyak 04 % sahaja daripada 10 % responden yang mempunyai teman lelaki / wanita keluar dengan teman masing-masing.

Kajian ini mendapati bahawa peratusan ini diwakili oleh pelajar lelaki yang keluar dengan teman wanita. Manakala pelajar wanita tidak ada yang keluar dengan teman lelaki.

Perbuatan suka keluar dengan teman lelaki inilah yang akan menyebabkan keruntuhan sosial yang teruk seperti melakukan seks bebas dan pembuangan bayi berleluasa di sana sini. Hasil temu bual penulis dengan anggota Polis di Balai Polis Pasir Puteh mendapati, kadar jenayah sosial di Pasir Puteh hampir sama dengan jajahan lain kecuali Kota Bharu yang lebih teruk. Menurutnya para pelajar di sekolah Saniah mempunyai reputasi yang baik berbanding sekolah menengah harian biasa¹⁹.

Penulis juga sempat menemubual Ketua Polis Pasir Puteh untuk mendapatkan data-data berkaitan kajian. Menurut beliau reputasi sekolah Saniah

¹⁹ Temu bual dengan Koperal Abu Bakar b. Bapo (53600) di Balai Polis Pasir Puteh pada 19.03.2003, jam 12.00 tengahari.

adalah baik disebabkan pelajar-pelajar yang belajar di sekolah agama telah dipilih di kalangan pelajar yang tinggi pencapaian UPSR. Beliau tidak dapat memberikan rekod statistik kejadian jenayah sosial pelajar kepada penulis kerana tiada dalam simpanannya pada masa itu ²⁰. Pada tahun 2000, ada satu kes seorang pelajar wanita sekolah Saniah yang lari dari rumah kerana mengikuti teman lelaki, namun kes ini dianggap kes terpencil kerana peratusannya yang rendah ²¹.

Jadual 14 : Pandangan Terhadap Sahsiah Muda Mudi Yang Kronik

JAWAPAN	RESPONDEN	PERATUS
AMAT SETUJU	62	62 %
SETUJU	33	33 %
KURANG SETUJU	03	03 %
TIDAK SETUJU	0	0 %
AMAT TIDAK SETUJU	0	0 %
TIDAK TAHU	02	02 %
JUMLAH	100	100 %

Sumber : Borang selidik

Penyakit sosial yang melanda tanahair adalah di tahap yang kritikal, sebanyak 62 % responden amat setuju dengan kenyataan ini, 33% bersetuju dan ada sebanyak 03 % yang tidak bersetuju yang terdiri daripada kalangan yang kebiasaannya menimbulkan masalah didiplin di sekolah dan masalah sosial di dalam masyarakat. Manakala 02 % lagi tidak menyedari isu ini kerana mereka terdiri daripada pelajar yang masih kecil dan berada di tingkatan dua.

²⁰ Temu bual dengan Tuan Azman b. Ayob (DSP), Ketua Balai, Balai Polis Pasir Puteh di pejabatnya pada 12.03.2003, Jam 12.30 tengahari.

²¹ Temu bual dengan Inspektor Amran Mustafa di bilik DSP pada 12.03.03, jam 12.30 tengahari.

Isu ini mesti diwar-warkan oleh pihak sekolah kerana ianya amat penting untuk kesedaran pelajar. Penyakit sosial yang melanda negara sekiranya tidak dibendung akan mengundang kerosakan moral masyarakat dan keruntuhan negara.

Jadual 15 : Pandangan Terhadap Hukum Haram Mengambil Dadah /Pil

Khayal / Ganja

JAWAPAN	RESPONDEN	PERATUS
AMAT SETUJU	93	94 %
SETUJU	04	04 %
KURANG SETUJU	0	0 %
TIDAK SETUJU	0	0 %
AMAT TIDAK SETUJU	02	02 %
TIDAK TAHU	01	01 %
JUMLAH	100	100 %

Sumber : Borang soal selidik

Data-data ini menunjukkan bahawa sebahagian besar pelajar mengetahui dan sedar tentang haram hukumnya mengambil dadah dan sebagainya. Sebanyak 93 % responden amat bersetuju dengan haram hukumnya mengambil dadah, ganja dan pil khayal seperti ectasy dan kuda. 04 % lagi bersetuju dan ada 02 % pula amat tidak setuju dan 01 % yang kurang arif tentang hukum perbuatan tersebut kerana mereka masih di tingkatan dua. Penglibatan dengan dadah dan pil kuda ini amat berbahaya dan menjadi masalah utama muda-mudi Melayu hari ini, adapun kaum Cina mereka lebih terlibat dengan pil ectasy kerana harganya lebih mahal dan kesannya lebih minima berbanding pil kuda.

10.3. Penghayatan Ajaran Islam

Jadual 16 : Menutup Aurat

JAWAPAN	RESPONDEN	PERATUS
YA	89	89 %
TIDAK	11	11 %
JUMLAH	100	100 %

Sumber : Borang soal selidik

Menutup aurat adalah menjadi kewajipan dan aspek yang penting bagi pelajar sekolah agama kerana ia adalah lambang sejauh mana ketaatan mereka kepada Allah S.W.T. Membuka aurat dan berpakaian menjolok mata akan menimbulkan masalah sosial di dalam masyarakat seperti jenayah seksual dan pergaulan bebas.

Sebanyak 89 % responden menutup aurat dengan sempurna di luar sekolah dan di rumah apabila berhadapan dengan orang yang bukan muhrim, manakala 11 % lagi masih belum melakukannya dengan sempurna dengan alasan malukan kawan dan sudah biasa dengan saudara mara yang terdekat.

Kesedaran dan kempen menutup aurat mesti dijalankan secara lebih aktif untuk menutup lubang-lubang kemaksiatan dan penyakit sosial. Isu menutup aurat adalah isu penting kerana kewajipan menutup aurat telah jelas di dalam al-Qurān dan tidak boleh dipertikaikan lagi.

Jadual 17 : Tidak Pernah Meninggalkan Solat

JAWAPAN	RESPONDEN	PERATUS
YA	96	96 %
TIDAK	04	04 %
JUMLAH	100	100 %

Sumber : Borang soal selidik

Solat adalah tiang agama dan ibadat terpenting di dalam Islam. Sebanyak 96 % responden taat mendirikan solat, manakala masih ada pelajar yang meninggalkan solat iaitu sebanyak 04 % dengan alasan takut tertinggal bas ke sekolah, bangun lewat ataupun tertidur.

Penulis mendapati isu meninggalkan solat ini masih menjadi realiti bagi pelajar sekolah-sekolah agama terutamanya bagi pelajar tingkatan dua ke bawah. Pihak ibu bapa dan sekolah mestilah lebih prihatin dan memandang isu ini dengan lebih serius walaupun berlaku di semua sekolah agama.

Jadual 18 : Selalu Solat Berjemaah

JAWAPAN	RESPONDEN	PERATUS
YA	73	73 %
TIDAK	27	27 %
JUMLAH	100	100 %

Sumber : Borang soal selidik

Solat berjemaah adalah menjadi prioriti bagi pelajar sekolah agama tidak kira di mana mereka berada. Rasulullah s.a.w. sentiasa melakukan solat

berjemaah dan dianggap sunnah yang mesti dijaga dan diamalkan oleh setiap muslim.

Kajian mendapati 73 % menjaga amalan ini dan sebanyak 27 % jarang melakukannya. Penulis mendapati pemuda yang solat berjemaah di Masjid *Ibrāhīmī* Pasir Puteh adalah daripada sekolah ini dan peratusannya adalah tinggi²².

Ibu bapa sendiri hendaklah solat berjemaah sekiranya ingin melihat anak-anak berjemaah. Sekiranya ibu bapa tidak berjemaah anak-anak juga kurang minat untuk berjemaah kerana mereka menjadi teladan kepada anak-anak.

Jadual 19 : Sentiasa Membaca al-Qurān

JAWAPAN	RESPONDEN	PERATUS
YA	99	99 %
TIDAK	01	01 %
JUMLAH	100	100 %

Sumber : Borang soal selidik

Amalan zikir amat penting untuk mendapat ketenangan, membina sahsiah dan mendekatkan diri kepada Allah. Membaca al-Qurān adalah zikir yang paling baik kerana ianya diturunkan untuk panduan dan petunjuk kepada manusia. Hanya 01 % sahaja daripada responden jarang membaca al-Qurān dan ini adalah kesan daripada usaha pembinaan sahsiah.

²² Temu bual dengan Hj. Mohamad b. Mail, Imam Besar Masjid Ibrahimi Pasir Puteh pada 12.03.2003.

Para pelajar mesti digalakkan membaca al-Qurān pada tiap-tiap hari dan kelas menghafaz al-Qurān boleh dibuka di sekolah sebagaimana yang telah dibuat oleh sekolah biasa di bawah YIK. Perhatian kepada al-Qurān ini akan memberikan impak yang sangat baik dalam pembinaan sahsiah remaja.

Jadual 20 : Mengamalkan Sunnah Dalam Kehidupan

JAWAPAN	RESPONDEN	PERATUS
YA	96	96 %
TIDAK	04	04 %
JUMLAH	100	100 %

Sumber : Borang soal selidik

Mengamalkan sunnah adalah menjadi amalan responden seperti tolong-menolong, bersedekah, menuntut ilmu, menutup aurat dan lain-lain lagi. Sebanyak 96 % responden menyedari hal ini manakala 04 % lagi tidak memahami pengertian sunnah yang sebenarnya kerana menganggap sunnah itu hanya seperti menggunakan sugi, memakai jubah, serban dan makan di dalam talam.

Kefahaman tentang sunnah dan mengamalkannya adalah penting kerana seseorang itu boleh terjebak ke dalam '*bid'ah*' dan melakukan khurafat tanpa disedari. Program ini dilihat berjaya memahamkan pelajar tentang sunnah dan hendaklah dipergiatkan lagi.

10.4. Sahsiah Kepemimpinan

Jadual 21 : Pernah Menjadi Imam Solat

JAWAPAN	RESPONDEN	PERATUS
YA	61	61 %
TIDAK	39	39 %
JUMLAH	100	100 %

Sumber : Borang soal selidik

Sebanyak 61 % responden pernah menjadi imam solat dan 39 % lagi tidak pernah. Pelajar yang tidak berjemaah tiadak mampu untuk mengimamkan solat kerana berasa takut dan malu. Peratus yang biasa mengimamkan solat ini adalah tinggi dan ia adalah asas untuk menjadi pemimpin.

Latihan untuk menjadi imam mesti dipergiatkan supaya semua pelajar berkemampuan untuk menjadi imam walaupun mereka seorang profesional.

Jadual 22 : Pernah Menasihati Kawan

JAWAPAN	RESPONDEN	PERATUS
YA	89	89 %
TIDAK	11	11%
JUMLAH	100	100 %

Sumber : Borang soal selidik

Menasihati kawan adalah bentuk dakwah dan hanya dimiliki oleh pelajar yang benar-benar memiliki sifat kepemimpinan dan pendakwah. Sebanyak 89 % responden pernah menasihati kawan supaya melakukan kebaikan dan menjauhi

keburukan, manakala 11 % lagi tidak pernah ataupun takut dan malu untuk berbuat demikian.

Berdasarkan kajian ini didapati program ini berjaya membantu membina sifat kepemimpinan dan melatih pelajar menjadi pendakwah. Sifat suka menasihati kawan adalah antara asas dakwah dan amat berkesan kerana agama itu adalah nasihat.

Jadual 23 : Minat Menjadi Pendakwah

JAWAPAN	RESPONDEN	PERATUS
YA	85	85 %
TIDAK	15	15 %
JUMLAH	100	100 %

Sumber : Borang soal selidik

Ramai responden berminat menjadi pendakwah iaitu sebanyak 85 %, manakala selebihnya iaitu sebanyak 15 % tidak berminat menjadi pendakwah. Sebahagian kecil pelajar masih belum memahami konsep pendakwah kerana mereka menganggap pendakwah itu ialah pekerjaan atau pun seperti kumpulan dakwah 'Tabligh'.

Dakwah adalah menjadi kewajipan semua insan tidak kira apa pekerjaan mereka. Kefahaman ini mesti diperjelaskan supaya semua pelajar berminat untuk menyampaikan dakwah kepada masyarakat. Walau bagaimanapun program ini telah berjaya menyedarkan mereka tentang pentingnya dakwah dan betapa bahayanya membiarkan manusia melakukan kemungkaran.

Jadual 24 : PPS Membina Sifat Kepemimpinan

JAWAPAN	RESPONDEN	PERATUS
AMAT SETUJU	63	63 %
SETUJU	30	30 %
KURANG SETUJU	03	03 %
TIDAK SETUJU	02	02 %
AMAT TIDAK SETUJU	01	01 %
TIDAK TAHU	01	01 %
JUMLAH	100	100 %

Sumber : Borang soal selidik

Sebanyak 63 % responden bersetuju, 30 % setuju , 03 % kurang setuju, 02 % tidak bersetuju, 01 % amat tidak bersetuju dan 01 % tidak tahu. Fenomena ini lahir kerana tidak semua responden terlibat dengan kursus kepimpinan khas kecuali orang yang memegang jawatan penting di sekolah sahaja.

Namun responden yang amat tidak setuju dan tidak setuju adalah kecil kerana mereka tidak menyedari mereka telah mempunyai sifat kepimpinan.

Sebenarnya program ini telah memberi kesan kepada kepimpinan mereka kerana walaupun mereka menyertai program yang bukan khusus untuk kepimpinan tetapi telah diselitkan dengan elemen-elemen tersebut secara tidak langsung melalui pengisian slot ceramah, bengkel dan latihan.

Jadual 25 : Pemimpin Mesti Mempunyai Sahsiah Mulia

JAWAPAN	RESPONDEN	PERATUS
AMAT SETUJU	81	81 %
SETUJU	19	19 %
KURANG SETUJU	0	0 %
TIDAK SETUJU	0	0 %
AMAT TIDAK SETUJU	0	0 %
TIDAK TAHU	0	0 %
JUMLAH	100	100 %

Sumber : Borang soal selidik

Analisis di atas menunjukkan bahawa semua responden bersetuju bahawa pemimpin mestilah mempunyai sahsiah yang mulia. Sebanyak 81 % amat bersetuju manakala 19 % lagi bersetuju supaya pemimpin hendaklah dipilih daripada kalangan orang yang baik sahsiah dan akhlak.

Sifat mulia pemimpin adalah pra syarat untuk melayakkan mereka digelar ' *khalifah* ' yang akan memakmurkan muka bumi. Pemimpin yang rendah moralnya akan melakukan banyak kerosakan dengan melakukan jenayah seperti rasuah, pecah amanah, menyalahgunakan kuasa, zalim dan lain-lain lagi. Justeru, pelajar sekolah agama mampu menjadi pemimpin negara dengan syarat mereka dilatih dan diberikan pendedahan terutamanya ilmu fardhu '*Kifāyah*'. Hasil analisis ini adalah kesan pembelajaran di sekolah dan mengikuti program PPS .

11. Pelaksanaan PPS

Jadual 26 : Sikap Pelajar Terhadap Kepentingan PPS

JAWAPAN	RESPONDEN	PERATUS
AMAT SETUJU	69	69 %
SETUJU	25	25 %
KURANG SETUJU	02	0 %
TIDAK SETUJU	0	0 %
AMAT TIDAK SETUJU	0	0 %
TIDAK TAHU	04	04 %
JUMLAH	100	100 %

Sumber : Borang soal selidik

Hasil soal selidik dibuat oleh penulis mendapati, 69 % responden amat bersetuju, 25 % bersetuju, 02 % kurang bersetuju dan 04 % tidak tahu tentang kepentingan program PPS dalam membina sahsiah dan kepemimpinan pelajar.

Berdasarkan data ini, tiada pelajar yang tidak bersetuju, cuma segelintir sahaja yang tidak tahu atau menyedari kepentingannya di dalam pembinaan sahsiah dan kepemimpinan. Sikap ini adalah positif dan memudahkan proses tarbiyah kerana mereka menyedari tentang kepentingan program yang boleh mendidik dan melahirkan mereka sebagai seorang pemimpin yang berkualiti.

Kesedaran dan minat pelajar kepada program yang amat berfaedah kepada mereka perlu dipupuk semenjak mereka di tingkatan peralihan lagi supaya mereka sentiasa dalam keadaan sukarela menyertai semua program anjuran sekolah.

Jadual 27 : Kesesuaian Masa Pelaksanaan

JAWAPAN	RESPONDEN	PERATUS
AMAT SETUJU	24	24 %
SETUJU	66	66 %
KURANG SETUJU	08	08 %
TIDAK SETUJU	0	0 %
AMAT TIDAK SETUJU	0	0 %
TIDAK TAHU	02	02 %
JUMLAH	100	100 %

Sumber : Borang soal selidik

Hasil soal selidik menunjukkan kesesuaian masa pelaksanaan program PPS di mana 24 % amat bersetuju dengan masa pelaksanaannya, 66 % bersetuju, 08 % kurang bersetuju dan 02 % tidak tahu.

Aspek kesesuaian masa adalah penting untuk melaksanakan tarbiyah, tanpa masa yang sesuai pelajar akan jemu dan bosan terhadap program yang akan meninggalkan kesan negatif di jiwa mereka.

Berdasarkan fakta di atas, hanya 08 % sahaja merasakan kurang bersetuju dan 02 % lagi tidak tahu sesuai ataupun tidak masa pelaksanaan. Pihak PPS di sekolah dari semasa ke semasa mesti menyedari respon daripada pelajar dan beberapa perubahan mesti dilakukan supaya pelaksanaan lebih berkesan lagi.

Jadual 28 : Kemudahan Pelaksanaan PPS

JAWAPAN	RESPONDEN	PERATUS
AMAT SETUJU	10	10 %

Sambungan Jadual 28

SETUJU	46	46 %
KURANG SETUJU	03	03 %
TIDAK SETUJU	32	32 %
AMAT TIDAK SETUJU	03	03 %
TIDAK TAHU	06	06 %
JUMLAH	100	100 %

Sumber : Borang soal selidik

Fakta yang dipaparkan di atas menunjukkan kemudahan pelaksanaan PPS masih belum sempurna. Pelaksanaan program ini memerlukan AJK dari kalangan guru dan pelajar yang mencukupi, tempat, kemudahan siaraya, peralatan perkhemahan, peralatan memasak, kertas kerja dan alat pengangkutan. Tempat yang menjadi pusat program ialah masjid sekolah yang masih belum siap sepenuhnya kerana masalah kewangan. Semasa program bengkel atau pun usrah di jalankan fasilitator ataupun '*naqib*' kurang mencukupi untuk mengendalikannya dengan berkesan.

Sebanyak 10 % amat bersetuju, 46 % setuju, 03 % kurang setuju, 32 % tidak setuju, 03 % amat tidak setuju dan 06 % tidak tahu. Berdasarkan peratusan ini jelas menunjukkan fasilititi untuk mengadakan program sudah memadai dan kekurangan yang dihadapi boleh diperbaiki dari semasa ke semasa.

Jadual 29 : Sokongan Ibu bapa Kepada PPS

JAWAPAN	RESPONDEN	PERATUS
AMAT SETUJU	44	44 %
SETUJU	45	45 %
KURANG SETUJU	03	03 %

Sambungan Jadual 29

TIDAK SETUJU	0	0 %
AMAT TIDAK SETUJU	01	01 %
TIDAK TAHU	07	07 %
JUMLAH	100	100 %

Sumber : Borang soal selidik

Paparan data di atas memperlihatkan ibu bapa amat menyokong program ini dan tidak menganggap ia sebagai punca kemerosotan pelajaran anak-anak. Kedapatan pihak yang menganggap program ini memberikan kesan negatif kepada pelajar dan mengganggu pelajaran sehinggakan mereka menganggap '*qiyāmullail*' adalah satu sindrom kepada para pelajar.

Peratusan yang tinggi iaitu 44 % amat setuju, 45 % setuju, 03 % kurang setuju, 01 % amat tidak setuju dan 07 % tidak tahu, memperlihatkan bahawa ibu bapa memahami matlamat program PPS dan memberikan sokongan samada dalam bentuk kewangan dan moral.

Temu bual penulis dengan Pengerusi Badan Dakwah mendapati, tiada ibu bapa yang secara terang-terangan menentang program ini dan menyatakan rasa tidak puas hati mereka ²³.

Pelajar mewakili 01 % responden yang amat tidak setuju ibu bapa mereka memberikan sokongan adalah terdiri daripada mereka yang tidak menghayati Islam dalam kehidupan tetapi menghantar anak mereka ke sekolah

²³ Temu bual dengan Pengerusi Badan Dakwah pada 12.03.2003.

agama supaya anak mereka menjadi insan berguna dan cemerlang di dalam peperiksaan sahaja.

Jadual 30 : Guru PPS Adalah Contoh Yang Baik

JAWAPAN	RESPONDEN	PERATUS
AMAT SETUJU	61	61 %
SETUJU	34	34 %
KURANG SETUJU	05	05 %
TIDAK SETUJU	0	0 %
AMAT TIDAK SETUJU	0	0 %
TIDAK TAHU	0	0 %
JUMLAH	100	100 %

Sumber : Borang soal selidik

Jadual ini memaparkan bahawa guru PPS adalah contoh dan model terbaik bagi para pelajar dalam semua aspek kehidupan. Gurulah yang menunjukkan contoh untuk diteladani oleh pelajar, sekiranya guru sendiri yang pincang maka pelajar akan bertambah teruk akhlakunya.

Responden yang amat bersetuju sebanyak 61 %, setuju 34 % dan 05 % kurang bersetuju. Pelajar yang mewakili 05 % kurang bersetuju ini memang mempunyai sedikit masalah dengan guru dakwah kerana mereka kurang berminat dengan program PPS dan ini menjadi kebiasaan di mana-mana sekolah YIK.

Jadual 31 : PPS Memotivasi Minat Belajar

JAWAPAN	RESPONDEN	PERATUS
AMAT SETUJU	98	98 %

Sambungan Jadual 31

SETUJU	02	02 %
KURANG SETUJU	0	0 %
TIDAK SETUJU	0	0 %
AMAT TIDAK SETUJU	0	0 %
TIDAK TAHU	0	0 %
JUMLAH	100	100 %

Sumber : Borang soal selidik

Hasil soal selidik di atas memaparkan data bahawa program PPS memang menjadi pemangkin ke arah kecemerlangan pelajar. Kurikulum yang dipelajari masih belum mencukupi untuk melahirkan pelajar yang cemerlang dalam erti kata yang sebenarnya. Justeru, PPS telah membantu mereka bersahsiah mulia, berketerampilan dan memotivasi mereka supaya lebih cemerlang.

Sebanyak 98 % responden menyatakan mereka amat bersetuju dan 02 % bersetuju terhadap perkara ini manakala tiada pelajar yang kurang dan tidak bersetuju. Hasil dapatan ini diharapkan dapat memotivasi pengurus sekolah agar merancang dengan lebih baik aktiviti dakwah di sekolah untuk kecemerlangan pelajar.

Jadual 32 : Keberkesanan Program PPS

JAWAPAN	RESPONDEN	PERATUS
AMAT SETUJU	62	62 %
SETUJU	36	36 %
KURANG SETUJU	02	02 %
TIDAK SETUJU	0	0 %

Sambungan Jadual 32

AMAT TIDAKSETUJU	0	0 %
TIDAK TAHU	0	0 %
JUMLAH	100	100 %

Sumber : Borang soal selidik

Data di atas dengan jelas menunjukkan bahawa tidak ada pelajar yang tidak bersetuju bahawa PPS ini telah memberikan kesan yang baik dan membina sahsiah mereka. Sebanyak 62 % responden amat bersetuju, 36 % setuju dan 02 % kurang bersetuju. Responden yang kurang bersetuju ini adalah sangat kecil dan mereka masih belum sedar tentang kesan program PPS dalam membentuk sahsiah mereka.

Berdasarkan analisis yang telah dibuat, penulis mendapati 90 % responden bersetuju agar program ini dilaksanakan di sekolah Kementerian Pendidikan sebagai satu cara untuk menyelesaikan masalah sosial remaja yang semakin meruncing.

12. Kesimpulan

Berdasarkan data-data yang telah dianalisis, penulis mendapati PPS masih berjalan seperti biasa, walaupun tidak menggunakan sepenuhnya panduan dan sukatan yang disediakan oleh pihak YIK.

Kurikulum semata-mata tidak mampu membentuk pelajar bersahsiah mulia dan mempunyai sifat-sifat kepimpinan berkualiti. Program ini mesti diteruskan dengan membuat beberapa pengemaskinian, para ibu bapa pula hendaklah memberikan sokongan yang padu demi untuk masa depan anak-anak yang cemerlang.

Program yang telah dilaksanakan banyak memberi kesan kepada jiwa dan sahsiah pelajar. Dapatlah disimpulkan bahawa PPS ini adalah pemangkin kepada kurikulum yang telah diajar di sekolah dan telah membina sahsiah dan karektor pelajar sebagai pemimpin masa depan.